# TAMBAH PERPULUHAN

**1** Berapakah jumlah isi padu air di dalam dua buah cerek?




1.8 ℓ + 0.5 ℓ = ☐ ℓ

**Cara 1**



Susun titik perpuluhan pada lajur yang sama.

| | sa | persepuluh |
|---|---|---|
| | ¹1 . | 8 |
| + | 0 . | 5 |
| | 2 . | 3 |

**Cara 2**




Mula dari 1.8, gerak 5 langkah ke atas.

IMBAS INI

1.8 ℓ + 0.5 ℓ = **2.3** ℓ

Jumlah isi padu air di dalam dua buah cerek ialah **2.3** ℓ.

**2** Tambah semua jisim buah.




1.3 kg + 4.207 kg + 0.96 kg = ☐ kg

| | sa | | persepuluh | perseratus | perseribu |
|---|---|---|---|---|---|
| | ¹4 | . | 2 | 0 | 7 |
| | 1 | . | 3 | 0 | 0 |
| + | 0 | . | 9 | 6 | 0 |
| | 6 | . | 4 | 6 | 7 |

Tambah 0 supaya bilangan tempat perpuluhan sama.



1.3 kg + 4.207 kg + 0.96 kg = **6.467** kg

**NOTA GURU**

- Galakkan murid menyusun nombor perpuluhan mengikut nilai tempat yang betul dan memastikan titik perpuluhan selajur.
- Bincangkan nilai tempat perpuluhan hingga tiga tempat perpuluhan.
- Ingatkan murid bahawa penambahan perpuluhan sama seperti penambahan nombor bulat.

2.2.1

3 $234 + 0.876 + 59.01 = $ ☐

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2 | [1]3 | 4 . | 0 | 0 | 0 |
| | | | 0 . | 8 | 7 | 6 |
| + | | 5 | 9 . | 0 | 1 | 0 |
| | 2 | 9 | 3 . | 8 | 8 | 6 |

Bincangkan dua kiraan ini. Yang manakah betul?

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | [1] | [1]0 . | [1]2 | [1]3 | 4 | |
| | | 0 . | 8 | 7 | 6 | |
| + | 5 | 9 . | 0 | 1 | 0 | |
| | 6 | 0 . | 1 | 2 | 0 | |

4 $2.209 + $ ☐ $ = 7.103$

**Cara 1**

9 + **4** = 13

1 + 0 + **9** = 10

1 + 2 + **8** = 11

1 + 2 + **4** = 7

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | [1]2 . | [1]2 | [1]0 | 9 |
| + | **4 .** | **8** | **9** | **4** |
| | 7 . | 1 | 0 | 3 |

$2.209 + $ **4.894** $ = 7.103$

**Cara 2**

Contoh mudah.

$1 + 2 = 3$

$2 = 3 - 1$

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | 6 | 10 | 9 | |
| | ~~7~~ . | ~~1~~ / ~~0~~ | ~~10~~ / ~~0~~ | 13 / ~~3~~ |
| − | 2 . | 2 | 0 | 9 |
| | **4 .** | **8** | **9** | **4** |

**AKAL PINTAR**

Lengkapkan ayat matematik.

☐ + ☐ $= 26.721$

## UJI DIRI

1 Kira.

a $3.0$ m $+ 1.9$ m $=$ ☐ m

b $10.54\ \ell + 7.009\ \ell =$ ☐ $\ell$

c $6.93 + 80.521 =$ ☐

d $36.584 + 6 + 0.732 =$ ☐

e $0.645 + 29.1 + 917.08 =$ ☐

f $100 + 59.2 + 1.603 =$ ☐

2 Lengkapkan ayat matematik.

a $0.98 +$ ☐ $= 6.735$

b ☐ $+ 37.012 = 40.1$

NOTA GURU
- Mantapkan pemahaman murid dengan memperbanyak latihan menambah perpuluhan sehingga tiga tempat perpuluhan.
- Layari https://www.mathsisfun.com/adding-decimals.html untuk aktiviti pengayaan.

# TOLAK PERPULUHAN

1







Berapakah jisim rambutan yang belum dijual?

12.6 kg – 2.5 kg = ☐ kg

**Cara 1**

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 1 | 2. | 6 |
| – | | 2. | 5 |
| | 1 | 0. | 1 |

**TIP**
Titik perpuluhan mesti selajur.

**Cara 2**




12.6 kg – 2.5 kg = **10.1** kg

Jisim rambutan yang belum dijual ialah **10.1** kg.

2 Kira tinggi Kaswini.




1.4 m – 0.13 m = ☐ m

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 1. | ~~4~~ 3 | ~~0~~ 10 |
| – | 0. | 1 | 3 |
| | 1. | 2 | 7 |

← tulis 0

1.4 m – 0.13 m = **1.27** m

Tinggi Kaswini **1.27** m.

7.918 – 3 = ☐

```
  7.918
–     3
  7.915
```



Bincangkan kesilapan yang dibuat.

**NOTA GURU**

- Angka 0 perlu ditulis bagi menyamakan tempat perpuluhan.
- Minta murid mengukur ketinggian dan mencari beza ketinggian secara berpasangan (dalam meter).
- Ingatkan murid bahawa penolakan perpuluhan adalah sama seperti penolakan nombor bulat.

**3** $5 - 0.58 - 4.079 = \square$

```
  9               1 1
4 10 10         3 1 10
 5 . 0 0         4 . 4 2 0
- 0 . 5 8   →   - 4 . 0 7 9
  4 . 4 2         0 . 3 4 1
```

IMBAS INI

$5 - 0.58 - 4.079 =$ **0.341**

---

**4** $34.8 - 12.45 - 0.619 = \square$

```
       7 10
  3 4 . 8 0
- 1 2 . 4 5
    1 13 4 10
  2 2 . 3 5 0
-     0 . 6 1 9
  2 1 . 7 3 1
```

$34.8 - 12.45 - 0.619 =$ **21.731**

**5** $19.8 - \square = 5.73$




```
       7 10
  1 9 . 8 0
-   5 . 7 3
  1 4 . 0 7
```

$19.8 -$ **14.07** $= 5.73$

## UJI DIRI

**1** Kira baki.

a) $2.3\ g - 0.74\ g = \square\ g$

b) $10.58$ saat $- 0.3$ saat $= \square$ saat

c) $3.48 - 2.069 = \square$

d) $496.984 - 70.56 = \square$

e) $539.217 - 486.05 = \square$

f) $609.632 - 256.75 - 33.078 = \square$

g) $207.48 - 93 - 4.097 = \square$

h) $54.04 - 8.62 - 0.67 = \square$

**2** Lengkapkan ayat matematik.

a) $8.7 - \square = 2.64$

b) $59.367 - \square = 28.074$

NOTA GURU
- Bincang dengan murid tentang penggunaan nombor perpuluhan dalam kehidupan harian.
- Layari https://www.mathsisfun.com/subtracting-decimals.html untuk aktiviti pengayaan.

# DARAB PERPULUHAN

**1** Hitung jumlah isi padu air di dalam 3 buah botol yang sama.



1.7 ℓ

$3 \times 1.7\ \ell = \square\ \ell$

| | | |
|---|---|---|
| | [2] 1 . | 7 |
| × | | 3 |
| | 5 . | 1 |

◀ 1 tempat perpuluhan (1 . 7)

◀ 1 tempat perpuluhan (5 . 1)

$3 \times 1.7\ \ell = \mathbf{5.1}\ \ell$




Jumlah isi padu air di dalam 3 buah botol yang sama ialah **5.1** ℓ.

**2** Berapakah jumlah panjang, dalam cm, bagi 4 biji pemadam yang sama?




2.54 cm

$4 \times 2.54 \text{ cm} = \square \text{ cm}$

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | [2] | [1] | |
| | | 2 . | 5 | 4 |
| × | | | | 4 |
| | 1 | 0 . | 1 | 6 |

◀ 2 tempat perpuluhan (2 . 5 4)

◀ 2 tempat perpuluhan (1 0 . 1 6)

$4 \times 2.54 \text{ cm} = \mathbf{10.16} \text{ cm}$

Jumlah panjang 4 biji pemadam yang sama ialah **10.16** cm.

**3** $73.082 \times 6 = \square$

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 7 | 3 . | 0 | 8 | 2 | × |
| 4 / 2 | 1 / 8 | 0 / 0 | 4 / 8 | 1 / 2 | 6 |

◀ 3 tempat perpuluhan (7 3 . 0 8 2)

4 3 8 . 4 9 2 ◀ 3 tempat perpuluhan

$73.082 \times 6 = \mathbf{438.492}$

**NOTA GURU**
- Bimbing murid menganggarkan jawapan dengan membundarkan perpuluhan kepada nombor bulat. Contohnya, 3 × 1.7 ℓ boleh dibundarkan kepada 3 × 2 ℓ.
- Jika menggunakan kaedah kekisi, bimbing murid meletakkan titik perpuluhan dalam jawapan dengan betul.

2.2.3

4 **SEKILAS FAKTA**

Rambut tumbuh lebih kurang 1.25 cm sebulan.

Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Human_ hair_growth

Kira panjang rambut yang tumbuh pada bulan ke-10.

10 × 1.25 cm = ☐ cm

**Cara 1**

```
     1 . 2 5
×        1 0
------------
     0   0 0
+  1 2   5 0
------------
   1 2 . 5 0
```





**Cara 2**

10 × 1.25 = 12.5

**TIP**

Gerakkan titik perpuluhan satu tempat ke kanan apabila mendarab 10 kerana hasil darab semakin besar.

10 × 1.25 cm = **12.5** cm

Panjang rambut yang tumbuh pada bulan ke-10 ialah **12.5** cm.

5 100 × 7.342 = ☐

7.342 × 100 = 734.2

100 × 7.342 = **734.2**

6 10 × 0.956 = 9.56

100 × 0.956 = 95.6

1 000 × 0.956 = ☐

Ceritakan pola darab ini. Lengkapkan.

## UJI DIRI

1 Darab.

a 8 × 2.3 g = ☐ g  b 4 × 0.6 cm = ☐ cm  c 7 × 5.43 m = ☐ m

d 3 × 40.52 = ☐  e 5 × 0.231 = ☐  f 2 × 65.321 = ☐

g 3.06 × 9 = ☐  h 317.26 × 4 = ☐  i 78.252 × 5 = ☐

2 Darab cepat.

a 10 × 8.34 = ☐  b 10 × 54.319 = ☐  c 100 × 0.075 = ☐

d 2.087 × 100 = ☐  e 92.4 × 1 000 = ☐  f 8.006 × 1 000 = ☐

**NOTA GURU**

- Dapatkan beberapa fakta lain seperti panjang kuku tumbuh dalam sebulan dan pergerakan Bulan mengelilingi Bumi dalam sebulan.
- Jelaskan kepada murid tentang sifar selepas titik perpuluhan sama ada boleh diabaikan atau tidak. Contohnya, 12.50 (sifar boleh diabaikan) dan 12.05 (sifar tidak boleh diabaikan).

# BAHAGI PERPULUHAN

**1** Berapakah isi padu jus di dalam setiap gelas?




1.5 ℓ ÷ 5 = ☐ ℓ

```
    0.3
 5) 1.5
   -0
    1 5
   -1 5
      0
```

1.5 ℓ ÷ 5 = **0.3** ℓ

Setiap gelas berisi **0.3** ℓ jus.



Letak titik perpuluhan selajur.

**2** 2 kg kek dipotong kepada 8 bahagian yang sama besar.




Berapakah jisim sepotong kek?

2 kg ÷ 8 = ☐ kg

```
    0.25
 8) 2.00
   -0
    2 0
   -1 6
      40
    - 40
       0
```

Tulis dua 0.



2 kg ÷ 8 = **0.25** kg

Sepotong kek berjisim **0.25** kg.

**3** 63.72 ÷ 9 = ☐

```
    07.08
 9) 63.72
   -0
    63
   -63
     0 7
   -   0
       72
   -   72
        0
```



Apabila menulis jawapan, 0 sebelum 7 boleh diabaikan.

63.72 ÷ 9 = **7.08**

IMBAS INI

NOTA GURU
- Tegaskan apabila membahagi perpuluhan, kita perlu membahagi sehingga tiada baki.
- Ingatkan murid bahawa pembahagian perpuluhan adalah sama dengan pembahagian nombor bulat.
- Layari https://www.mathsisfun.com/dividing-decimals.html untuk mengukuhkan pemahaman tentang pembahagian perpuluhan.

2.2.4

**4** $4.32 \div 10 = \square$

**Cara 1**

```
       0 . 4 3 2
10 ) 4 . 3 2 0
    - 0
      4 3
    - 4 0
        3 2
      - 3 0
          2 0
        - 2 0
            0
```

$4.32 \div 10 =$ **0.432**

**Cara 2**

$4.32 \div 10 = 0.432$

Gerakkan titik perpuluhan satu tempat ke kiri apabila membahagi 10 kerana hasil bahagi semakin kecil.



**5** $657.8 \div 100 = \square$



$657.8 \div 100 = 6.578$

Gerakkan titik perpuluhan dua tempat ke kiri.

$657.8 \div 100 =$ **6.578**

**6** $2\,749 \div 1\,000 = \square$

$2\,749 \div 10 = 274.9$

$2\,749 \div 100 = 27.49$

$2\,749 \div 1\,000 = \square$

Lihat pola bahagi di atas. Lengkapkan.



## UJI DIRI

**1** Bahagi.

a $5.4\text{ m} \div 6 = \square\text{ m}$ b $3\text{ kg} \div 5 = \square\text{ kg}$ c $60.42\ \ell \div 4 = \square\ \ell$

d $87.5 \div 7 = \square$ e $0.036 \div 9 = \square$ f $20.028 \div 3 = \square$

**2** Bahagi cepat.

a $0.7 \div 10 = \square$ b $8.4 \div 10 = \square$ c $653.2 \div 100 = \square$

d $45.3 \div 100 = \square$ e $9 \div 1\,000 = \square$ f $873 \div 1\,000 = \square$

NOTA GURU
- Bimbing murid meletakkan titik perpuluhan di tempat perpuluhan yang betul apabila membahagi perpuluhan dengan 10, 100 dan 1 000.
- Layari https://www.mathsisfun.com/dividing-decimals.html untuk aktiviti pengayaan.

# TUKAR PECAHAN DAN PERATUS

1




Nyatakan peratus donat coklat.



35 daripada 100 ialah 35 perseratus.

35 perseratus ditulis $\frac{35}{100}$.

$\frac{35}{100}$ dalam peratus ialah 35%.

$$\frac{35}{100} = 35\%$$

Peratus donat coklat ialah **35%**.

2



Berapakah peratus petak biru?

24 daripada 100 ialah petak biru. → $\frac{24}{100} = \square$

Berapakah peratus petak putih pula?



3 Tulis $\frac{7}{10}$ dalam peratus.

**Cara 1**



$$\frac{7}{10} = \frac{7 \times 10}{10 \times 10} = \frac{70}{100} = 70\%$$

**Cara 2**

$$\frac{7}{10} = \frac{7}{1\not{0}} \times 10\not{0}\% = 70\%$$

$$\frac{7}{10} = 70\%$$

NOTA GURU
- Gunakan kertas petak seperti helaian buku tulis matematik, kertas grid dan kertas graf untuk aktiviti menukarkan pecahan kepada peratus.
- Pelbagaikan aktiviti melorek dengan menggunakan MS Excel.

2.3.1

**4** Tukar $\frac{4}{5}$ kepada peratus.

**Cara 1**



$\frac{4}{5}$

$\frac{4 \times 20}{5 \times 20} = \frac{80}{100}$

$= 80\%$

$\frac{4}{5} = 80\%$

**Cara 2**

$\frac{4}{5} = \frac{4}{\cancel{5}_{1}} \times \cancel{100}^{20}\%$

$= 80\%$




Adakah $\frac{1}{5}$ dan $\frac{2}{10}$ mewakili peratus yang sama? Tunjukkan.

**5** Nyatakan 63% dalam pecahan perseratus.



$63\% = \frac{63}{100}$

**6** Tulis 90% dalam pecahan bentuk termudah.

$90\% = \square$

$90\% = \frac{9\cancel{0}}{10\cancel{0}}$

$= \frac{\square}{\square}$

**7** Tulis 40% dalam pecahan bentuk termudah.

$40\% = \frac{40 \div 20}{100 \div 20}$

$= \frac{2}{5}$

$40\% = \frac{2}{5}$

## UJI DIRI

Lengkapkan.

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Pecahan | $\frac{27}{100}$ | | | $\frac{3}{4}$ | | $\frac{9}{20}$ |
| Peratus | | 19% | 60% | | 85% | |

**NOTA GURU**

- Layari https://www.mathsisfun.com/converting-fractions-percents.html untuk menambahkan pengetahuan murid.
- Buat aktiviti secara berpasangan. Murid A menulis satu pecahan dan murid B menukarkannya kepada peratus. Seterusnya, tukar peranan murid.

2.3.1

# PERATUSAN OBJEK

1




3 daripada 10 topi berwarna merah.

Pecahan topi merah ialah $\frac{3}{10}$.

$$\text{Peratusan topi merah} = \frac{3 \times 10}{10 \times 10} = \frac{30}{100} = 30\%$$

Peratusan topi merah ialah **30%**.

50% topi berwarna kelabu. Bincangkan.

2 Bilangan buku yang dibaca dalam sebulan.

| Nama | Bilangan buku |
|---|---|
| Vicknesh | 14 |
| Daren | 11 |
| Aimi | 12 |
| Sharon | 13 |
| **Jumlah** | **50** |

Nyatakan peratusan buku yang dibaca oleh Aimi.

Aimi baca 12 daripada 50 buah buku.

$$\text{Peratusan} = \frac{12}{50} = \frac{12 \times 2}{50 \times 2} = \frac{24}{100} = 24\%$$

Peratusan buku yang dibaca oleh Aimi ialah **24%**.

35 daripada 50 buah buku ialah buku cerita. Kira peratusannya.

3 Berapakah peratusan 8 buah van daripada 40 buah kenderaan?

$$\frac{\overset{1}{\cancel{8}}}{\underset{5}{\cancel{40}}} \times 100\% = \frac{1}{\underset{1}{\cancel{5}}} \times \overset{20}{\cancel{100}}\% = 20\%$$

Peratusan 8 buah van daripada 40 buah kenderaan ialah **20%**.

## UJI DIRI

Nyatakan peratusan objek yang berikut:

a 8 kubus merah daripada 20 buah kubus.

b 17 keping duit syiling 50 sen daripada 25 keping duit syiling.

NOTA GURU
• Murid mendapatkan data situasi harian seperti bilangan guru bercermin mata dan bilangan murid kidal untuk mencari peratusannya.

2.3.2

# SELESAIKAN MASALAH

1. Santesh, Swee Lan dan Rokiah mengumpulkan bahan kitar semula. Jadual menunjukkan jisim bahan yang dikumpulkan dalam tiga minggu. Berapakah jumlah jisim bahan yang dikumpulkan itu?

| Minggu | Jisim (kg) |
|---|---|
| Minggu 1 | $2\frac{1}{2}$ |
| Minggu 2 | $4$ |
| Minggu 3 | $3\frac{1}{5}$ |

**• Fahami soalan •**

Minggu 1 $2\frac{1}{2}$ kg

Minggu 2 $4$ kg

Minggu 3 $3\frac{1}{5}$ kg

Kira jumlah jisim.

**• Fikir cara •**

?

| | | |
|---|---|---|
| $2\frac{1}{2}$ | $4$ | $3\frac{1}{5}$ |

**• Selesaikan •**

$2\frac{1}{2}$ kg + 4 kg + $3\frac{1}{5}$ kg = ☐ kg

$$2\frac{1}{2} + 4 + 3\frac{1}{5}$$
$$= 2 + 4 + 3 + \frac{1}{2} + \frac{1}{5}$$
$$= 9 + \frac{1 \times 5}{2 \times 5} + \frac{1 \times 2}{5 \times 2}$$
$$= 9 + \frac{5}{10} + \frac{2}{10}$$
$$= 9\frac{7}{10}$$

$2\frac{1}{2}$ kg + 4 kg + $3\frac{1}{5}$ kg = $9\frac{7}{10}$ kg

**• Semak •**

$$9\frac{7}{10} - 3\frac{1}{5} - 4$$
$$= 9\frac{7}{10} - 3\frac{1 \times 2}{5 \times 2} - 4$$
$$= 9\frac{7}{10} - 3\frac{2}{10} - 4$$
$$= 2\frac{5 \div 5}{10 \div 5}$$
$$= 2\frac{1}{2}$$

Jumlah jisim bahan yang dikumpulkan ialah $9\frac{7}{10}$ kg.

NOTA GURU
- Bimbing murid mengenal pasti maklumat penting dan kata kunci untuk menentukan operasi bagi menyelesaikan masalah.
- Pelbagaikan soalan seperti "Berapakah beza antara jisim yang paling banyak dengan jisim yang paling sedikit?".

2.4.1

2 Jumlah ahli Persatuan Sains ialah 140 orang. $\frac{3}{7}$ daripada jumlah ahli itu ialah murid Tahun 4. $\frac{1}{2}$ daripadanya pula murid Tahun 5. Hitung beza bilangan ahli antara murid Tahun 4 dengan Tahun 5.

**Fahami soalan**

| Ahli | Bilangan/pecahan |
|---|---|
| Jumlah | 140 |
| Murid Tahun 4 | $\frac{3}{7}$ daripada 140 |
| Murid Tahun 5 | $\frac{1}{2}$ daripada 140 |

Cari beza bilangan ahli antara murid Tahun 4 dengan Tahun 5.



Wakilkan maklumat dalam jadual.

**Fikir cara**

$\frac{3}{7} \times 140 = \square$

$\frac{1}{2} \times 140 = \square$

**Selesaikan**

murid Tahun 4 $\frac{3}{\cancel{7}_1} \times \cancel{140}^{20} = 60$

murid Tahun 5 $\frac{1}{\cancel{2}_1} \times \cancel{140}^{70} = 70$

beza $70 - 60 = 10$

**Semak**




Beza murid Tahun 4 dengan Tahun 5 $70 - 60 = 10$

Beza bilangan ahli antara murid Tahun 4 dengan Tahun 5 ialah **10 orang**.

Berapakah ahli yang bukan daripada murid Tahun 4 dan Tahun 5?



NOTA GURU
• Minta murid menyelesaikan situasi di atas secara berkumpulan sekiranya bilangan ahli persatuan diubah kepada 210 orang.

2.4.1

3 Jadual menunjukkan jarak pergerakan tiga buah kereta belon yang dibina daripada bahan terbuang. Hitung beza jarak pergerakan antara kereta Pythagoras dengan kereta Einstein.

| Nama kereta | Jarak pergerakan |
|---|---|
| Einstein | 2.15 m |
| Pythagoras | 1.15 m lebih daripada Newton |
| Newton | 3.1 m |



**Diberi** Jarak kereta bergerak:
Newton 3.1 m
Pythagoras 1.15 m lebih daripada jarak kereta Newton
Einstein 2.15 m

**Dicari** Beza jarak pergerakan antara kereta Pythagoras dengan kereta Einstein.

Lukis gambar rajah.




**Operasi** Tambah dan tolak

**Selesaikan** 3.1 m + 1.15 m – 2.15 m = ☐ m

$$\begin{array}{r} 3.10 \\ +\ 1.15 \\ \hline 4.25 \end{array} \qquad \begin{array}{r} 4.25 \\ -\ 2.15 \\ \hline 2.10 \end{array}$$

**Semak**

$$\begin{array}{r} 2.10 \\ +\ 2.15 \\ \hline 4.25 \end{array} \qquad \begin{array}{r} 4.25 \\ -\ 1.15 \\ \hline 3.10 \end{array}$$

3.1 m + 1.15 m – 2.15 m = **2.1** m

Beza jarak pergerakan antara kereta Pythagoras dengan kereta Einstein ialah **2.1** m.

Hitung beza jarak pergerakan antara kereta Newton dengan kereta Einstein.

NOTA GURU
- Dapatkan data acara sukan seperti lompat jauh atau Sukan SEA 2019. Minta murid mengira beza jarak antara lompatan terjauh dengan lompatan terdekat dan menyelesaikan masalah berdasarkan data berkenaan.

2.4.1

4 Bersempena dengan hari sukan, pasukan rumah Hijau perlu menyiapkan 8 helai bendera yang sama saiz. Jumlah panjang kain yang digunakan ialah 14.96 m. Berapakah panjang kain bagi sehelai bendera?









**Selesaikan**

14.96 m ÷ 8 = ☐ m

```
     1.87
8 ) 14.96
   - 8
     69
   - 64
      56
    - 56
       0
```

14.96 m ÷ 8 = **1.87** m

**Semak**

```
  6 5
  1.87
×    8
 14.96
```

Panjang kain bagi sehelai bendera ialah **1.87** m.

5 Kelab Matematik menerima sumbangan sebanyak RM280. RM70 digunakan untuk membeli barangan taman matematik. Kira peratusan wang yang digunakan.






**Selesaikan**

$\frac{70}{280} \times 100\% = $ ☐

$\frac{\not{70}^{1}}{\not{280}_{\not{4}\,1}} \times \not{100}^{25}\% = 25\%$

$\frac{70}{280} \times 100\% = $ **25%**

**Semak**

$25\% \times 280 = \frac{25}{10\not{0}} \times 28\not{0}$

$= \frac{70\not{0}}{1\not{0}}$

$= 70$

Peratusan wang yang digunakan ialah **25%**.

NOTA GURU
• Latih murid menentukan peratus markah ujian atau kuiz.

2.4.1

## UJI DIRI

**1** Lengkapkan jadual di sebelah. Pasukan manakah yang menang?

**Rekod Masa Pertandingan Mencari Harta Karun**

| Pasukan | Cabaran A | Cabaran B | Jumlah masa |
|---|---|---|---|
| Ibnu Sina | $1\frac{1}{6}$ jam | $2\frac{1}{3}$ jam | |
| Ibnu Khaldun | $1\frac{2}{3}$ jam | $2\frac{4}{5}$ jam | |

**2** Setiap hari Pauline menerima wang saku sebanyak RM6 daripada ayahnya. Dia membelanjakan $\frac{2}{3}$ daripada wang itu. Baki wangnya disimpan di dalam tabung.



**a** Berapakah wang yang telah dibelanjakan setiap hari?

**b** Adakah wang simpanan Pauline melebihi RM8 selepas 5 hari?

**3** Gawing ke sekolah setiap hari persekolahan. Gambit cuma tidak hadir ke sekolah pada hari Khamis.

**a** Jumlahkan jarak yang dilalui oleh mereka dalam sehari.

**b** Hitung beza jarak yang dilalui oleh Gawing dan Gambit pada minggu itu.




**4** Baca pernyataan di bawah.

Kelvin mendapat 48 daripada 60 markah dalam Kuiz Alam Sekitar.

Dina mendapat 24 daripada 32 markah dalam Kuiz Keselamatan Jalan Raya.

Prem Singh mencatat 81 daripada 90 markah dalam Kuiz Flora dan Fauna.

Siapakah yang mendapat peratus markah paling tinggi? Tunjukkan langkah pengiraan.

NOTA GURU
- Sediakan pelbagai aras soalan penyelesaian masalah yang berkaitan pecahan, perpuluhan dan peratus.
- Minta murid menyelesaikan masalah secara berkumpulan dan membentangkan hasil kerja untuk mengukuhkan pemahaman.

2.4.1


KPM




Lengkapkan silang nombor di bawah.






**MELINTANG**

A $2.48 + 36.7 = \square$

B $2\,143 \div 1\,000 = \square$

C $463.4 + 176.803 = \square$

D $100 \times 5.074 = \square$

E $9.03 + 12.4 + 63.009 = \square$

J $\square + 0.76 = 18.254$

**MENEGAK**

A $31.8 \div 10 = \square$

D $80 - 25.69 = \square$

F $26.7 - 8.093 = \square$

G $10 \times 31.62 = \square$

H $94.32 + 103.4 + 32.299 = \square$

I $94.32 - \square = 53.05$

NOTA GURU
- Minta murid melengkapkan silang nombor secara berpasangan.
- Terapkan sikap bekerjasama dan teliti semasa membuat pengiraan.

## MAJU MINDA

**1** Tukar pecahan tak wajar kepada nombor bercampur.

a $\frac{12}{5}$ b $\frac{14}{9}$ c $\frac{29}{7}$ d $\frac{15}{4}$ e $\frac{20}{3}$ f $\frac{35}{8}$

**2** Tukar nombor bercampur kepada pecahan tak wajar.

a $1\frac{2}{7}$ b $3\frac{4}{9}$ c $5\frac{3}{8}$ d $6\frac{3}{10}$ e $10\frac{1}{3}$ f $55\frac{1}{2}$

**3** Kira.

a $\frac{4}{9} + \frac{1}{9} = \square$

b $\frac{3}{4} + \frac{5}{6} = \square$

c $1\frac{1}{3} + \frac{1}{4} = \square$

d $4 + \frac{3}{5} + 1\frac{1}{2} = \square$

e $3\frac{4}{7} + 1\frac{2}{3} + \frac{5}{7} = \square$

f $2\frac{1}{6} + \square = 4\frac{5}{6}$

**4** Selesaikan.

a $\frac{7}{8} - \frac{3}{8} = \square$

b $4 - \frac{5}{7} = \square$

c $3\frac{4}{5} - 2\frac{2}{3} = \square$

d $5\frac{2}{9} - 3 - \frac{1}{3} = \square$

e $6\frac{5}{6} - 3\frac{1}{2} - 1\frac{1}{3} = \square$

f $3\frac{7}{9} - \square = \frac{4}{9}$

**5** Apakah nilai $\square$?

a $2\frac{1}{5} + \square = 3\frac{3}{5}$

b $\square - 4\frac{1}{8} = 2\frac{3}{4}$

**6** Kira.

a $8\frac{2}{3} + \frac{1}{3} - 5 = \square$

b $4\frac{3}{7} - \frac{6}{7} + 1 = \square$

c $3 - 2\frac{1}{10} + 1\frac{3}{5} = \square$

d $6\frac{1}{6} - 2 + \frac{1}{2} = \square$

**7** Kira.

a $\frac{7}{10}$ daripada 50 m b $\frac{8}{9}$ daripada 81 kg c $1\frac{3}{4}$ daripada 96 ℓ

NOTA GURU
- Minta murid menyelesaikan soalan di atas dengan pelbagai cara pengiraan.
- Minta murid menyemak jawapan mereka secara berpasangan.

**8** Lengkapkan.

a $2.5 + 6.09 =$ ☐ b $0.8 + 24.93 + 167.253 =$ ☐

c $50 + 6.008 + 90.32 =$ ☐ d $42.6 +$ ☐ $= 71.4$

**9** Diberi $K = 4.2$, $L = 10.83$ dan $M = 6.278$. Cari:

a $L - K$ b $M - K$ c $L - M - K$ d $M -$ ☐ $= K$

**10** Kira hasil darab.

a $8 \times 1.07 =$ ☐ b $7 \times 99.6 =$ ☐ c $9 \times 14.362 =$ ☐

d $10 \times 63.08 =$ ☐ e $100 \times 1.942 =$ ☐ f $1\ 000 \times 52.73 =$ ☐

**11** Selesaikan.

a $41.6 \div 8 =$ ☐ b $930.78 \div 9 =$ ☐ c $15.28 \div 10 =$ ☐

d $342 \div 100 =$ ☐ e $603 \div 1\ 000 =$ ☐

**12** Tukarkan pecahan kepada peratus atau sebaliknya.

a $\frac{4}{5}$ b $\frac{19}{20}$ c $\frac{18}{25}$ d 7% e 68% f 93%

**13** Tentukan peratusan.

a 53 daripada 100 b 15 daripada 50 c 24 daripada 80

**14** Selesaikan masalah.

a Hamimah menggunakan 5 $\ell$ air mineral, $\frac{3}{5}$ $\ell$ air gula dan $\frac{1}{10}$ $\ell$ pati rozel untuk membuat air rozel. Adakah jumlah isi padu itu melebihi 6 $\ell$?

b Ayah Fong ada 10 m tali. Dia menggunakan 2.85 m untuk mengikat buku dan 3.12 m untuk mengikat barangan terpakai.

i Berapakah baki panjang tali?

ii Hitung beza antara panjang tali untuk mengikat buku dengan barangan terpakai.

NOTA GURU
- Minta murid menyelesaikan soalan dalam kumpulan kecil.
- Minta murid membentangkan hasil pengiraan mereka.